

PELAKSANAAN KEMAHIRAN MENDENGAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI (SRAI) SELANGOR (Implementation Of Listening Skills In Learning Arabic At School Of Islamic Integration Selangor)

* Mohd Izzuddin Mohd Pisol¹, Mohamad Syukri Abd Rahman², Ahmad Ismail², Adnan Mat Ali², Mohd Kamal Radiman³, Julia Madzalan¹

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

³Jabatan Agama Islam Selangor
Tingkat 1 Menara Selatan, No 2 Persiaran Masjid
40676 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: mohdizzuddin@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 29 November 2016

Accepted: 23 November 2016

Revised: 24 January 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 44-49

Abstrak

Kajian ini akan dijalankan bertujuan mengenalpasti kaedah kemahiran mendengar dalam pembelajaran dalam kurikulum bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi di seluruh negeri Selangor. Kaedah pengumpulan data menggunakan soal selidik secara rawak mudah kepada murid darjah seramai 419 orang responden. Pandangan murid terhadap pelaksanaan kemahiran mendengar dalam pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai purata min keseluruhan (min=2.641, sp=0.473). Dapatan kajian menunjukkan bahawa PdP kemahiran mendengar bahasa Arab tidak menitik beratkan penggunaan nada yang sesuai dengan situasi. Hal ini boleh menyebabkan suasana pembelajaran bahasa Arab menjadi hambar dan kurang berkesan. Selain itu, kajian mendapati guru kurang menekankan aktiviti mendengar. Demikian juga, PdP kemahiran mendengar bahasa Arab banyak bergantung kepada aplikasi secara lisan berbanding penggunaan bahan secara audio seperti kaset atau komputer. Hal ini disebabkan pihak sekolah menghadapi kekurangan alat bantu mengajar seperti komputer dan sebagainya. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru dalam meningkatkan kemahiran mendengar dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah.

Kata Kunci: Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Kemahiran Mendengar, Bahasa Arab.

Abstract

This study is conducted for the purpose of identifying listening skill strategy for studying in Arabic language curriculum in Sekolah Rendah Agama Integrasi in the state of Selangor. Data for this study is collected by distributing questionnaire towards 419 respondents. Students' perception towards the implementation of listening skill in studying Arabic language was found to be at moderate low level with the average mean value (mean=2.641, sd=0.473). Findings of this study shown that teaching and learning process of Arabic language listening skill did not focus on the use of suitable intonation according to situation. This caused the learning process of Arabic language to become dull and less effective. Apart from that, the study also found that teachers put less focus on listening activities. Teaching and learning process of Arabic language listening skill depended a lot verbal application compared to use of materials such as cassette or computer. This is due to the school's lack of teaching aid materials such as computers. It is hoped that this study become guidance to teachers in increasing listening skill in the teaching of Arabic language in school.

Keywords: Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Arabic Language Listening Skill.

1.0 PENGENALAN

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) mula dilaksanakan pada tahun 2000 melalui proses projek rintis di 10 buah sekolah. Pengubahsuaian ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan kualiti Pendidikan Islam berdasarkan resolusi Tonggak ke 10 YAB Menteri Besar Selangor dalam meningkatkan penghayatan, kefahaman Islam dan moral melalui pendidikan bersepadu serta menyeluruh dalam kalangan murid di peringkat pendidikan rendah. Sehingga tahun 2010, 11 buah SRAI telah beroperasi di 8 buah daerah. Pentadbiran dan pengurusan SRAI adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pelaksanaan kurikulum SRAI adalah menggabungkan Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) dibawah JAIS. Manakala, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)/Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perjalanan waktu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada sesi persekolahan iaitu dua jenis sesi persekolahan (1 sesi persekolahan atau 2 sesi persekolahan). Kajian ini memfokuskan kepada guru yang mengajar bahasa Arab dan murid tahun 6 yang telah mengikuti kurikulum bahasa Arab SRAI.

2.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DALAM BAHASA ARAB DI SEKOLAH

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa (Nik Mohd Rahimi, 2003). Pandangan oleh Nik Mohd Rahimi (2005) berkaitan latihan kemahiran mendengar hendaklah dijadikan asas penggabungan antara satu kemahiran dengan kemahiran berbahasa yang lain. Suara guru diperlukan dalam proses kemahiran mendengar.

Mendengar merupakan kemahiran asas utama yang perlu diutamakan dalam proses pengajaran bahasa asing. Keperluan kemahiran mendengar boleh dibahagikan kepada lima unsur utama yang mempunyai kesepaduan sesamanya. Mengikut Muhammad Sallehuddin Ali (1977), keperluan atau unsur-unsurnya ialah:

- Membezakan sebutan yang terdiri daripada tekanan suara, rentak dan dengung.
- Mengetahui makna secara keseluruhan daripada bahan yang didengarnya.
- Mengingat mesej yang difahami.
- Memahami mesej yang didengarnya dan boleh berinteraksi perasaan dengannya.
- Membincangkan semula mesej yang difahami.
- Membezakan bunyi sebutan.

Menurut Muhammad Abdul Ghani Masri (1990) menyatakan bahawa peringkat pertama pelajar hendaklah didedahkan dengan sebutan huruf perkataan dengan mengambil kira makhras huruf kerana terdapat beberapa huruf yang mempunyai sebutan yang hampir sama tetapi ia berbeza dari sudut bunyinya seperti :

..... () ع (عَبْدٌ) dan أُ (أَبْدٌ) / ظ (ظَلٌّ) dan ض (ضَلٌّ) / ص (صَلْبٌ) dan ث (تَلْبٌ) ، س (سَلْبٌ)

Mendengar sebutan huruf dan perkataan ini penting bagi memperbaiki pendengaran perkataan dengan tepat. Kebiasaannya mendengar huruf ini dengan baik akan menjamin pendengaran perkataan dengan lebih baik. Huruf-huruf tersebut sekiranya silap didengar akan membawa kepada perkataan yang lain dan membawa erti yang berbeza. (Rosni Samah, 2009). Peringkat seterusnya dalam kemahiran mendengar ini ialah murid hendaklah didedahkan dengan mendengar sebutan perkataan dengan baik. Perkataan yang diperdengarkan itu hendaklah yang mudah didengar dan mengingatinya seperti perkataan yang mempunyai suku kata yang pendek kemudian beransur-ansur kepada suku kata yang panjang atau banyak. Contohnya:

Perkataan	Huruf	Bilangan Suku Kata
ل	ل	1
فِي	ف ي	2
أَكَل	أ ك ل	3
يَدْخُلُ	ي د خ ل	3

يَنْكَبِرُ	ين ك س ر	4
اسْتَعْفَاؤُ	اس تع فار	4

Oleh itu, kemahiran mendengar perlu diajar secara sistematik agar kebolehan pelajar dalam mendengar secara berkualiti dan menghasilkan pendengaran untuk berkomunikasi dengan anggota masyarakat.

3.0 PENYATAAN MASALAH

Guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan tersebut berkait rapat dengan keupayaan guru dalam memilih strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan. Justeru, aspek pendekatan dan kaedah pengajaran guru bahasa Arab perlu disesuaikan dengan keperluan murid dalam kemahiran berbahasa. Guru bahasa Arab lebih banyak menggunakan kaedah kuliah, memberikan contoh, soal jawab, latih tubi, hafalan dan mendengar tanpa melihat buku. Manakala, kaedah mencapai tahap sederhana adalah kaedah berdialog, mendengar bacaan guru tanpa melihat teks dan melakonkan semula (Ab. Halim et. al. 2013). Kajian mengenai teknik pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab sering diabaikan dan tidak ditekankan dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia Nik Mohd Rahimi (2005). Kebanyakan guru bahasa Arab tidak menekankan teknik latihan kemahiran mendengar pada teks dengan betul. Disamping itu, beliau mendapati murid tidak dilatih mendengar petikan dialog dan jenis naratif secara berasingan atau tanpa melihat teks.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti pelaksanaan kemahiran mendengar yang dilalui oleh murid dalam pembelajaran Bahasa Arab.

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi peluang kepada guru bahasa Arab dalam meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Arab. Dapatan yang dikemukakan diharapkan menjadi panduan kepada guru bahasa Arab dalam memperbaiki kelemahan yang wujud serta memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang sedia ada. Memberikan panduan kepada pihak yang berkenaan dalam menyediakan latihan kemahiran mengajar berkaitan pengajaran bahasa Arab. Dapatan kajian juga dapat memberi panduan kepada pihak berkaitan dalam menyediakan guru bahasa Arab yang berkualiti untuk SRAI di seluruh Selangor.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan proses pengumpulan data menggunakan persampelan rawak mudah berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Mohd Majid (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam. Sekolah yang terlibat adalah sekolah sekitar Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor yang mempunyai 10 buah sekolah. Responden kajian ini adalah murid yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab di SRAI di Selangor.

6.1 Demografi Responden

Jadual 1.1, menunjukkan taburan latar belakang murid, seramai 419 orang murid daripada sepuluh buah sekolah telah terlibat melibatkan 212 (50.6%) adalah murid lelaki dan 207 (49.4%) murid perempuan.

Jadual 1.1: Maklumat Profil Murid Berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	212	50.6
Perempuan	207	49.4
Jumlah	419	100

7.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1.1, perincian skor min PdP bagi kemahiran mendengar mendapati bahawa item Bd 5 “Guru saya membantu dalam memahami makna ayat atau petikan bahasa Arab yang diperdengarkan” mencatat tahap min yang tertinggi iaitu (4.23). Dapatan ini menunjukkan bahawa 81.6% murid berpandangan bahawa guru membantu dalam memberikan kefahaman terhadap perkara disampaikan. Manakala nilai min pada tahap sederhana tinggi pula ialah item Bd 10 “Guru saya memberi arahan dengar baik-baik (استمع جيدا) sebelum membaca soalan petikan bahasa Arab” iaitu sebanyak (3.56). Hal ini menunjukkan hanya 57% guru yang menggunakan arahan tersebut. Begitu juga dengan item Bd6 iaitu “Guru saya memperdengarkan ayat bahasa Arab mudah” mendapati hanya 56% sahaja yang menyatakan ayat yang disampaikan oleh guru menggunakan perkataan yang mudah. Seterusnya item Bd2 iaitu “Saya diperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab beberapa kali” menunjukkan hanya 40.6 % yang menyatakan guru memperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab berulang-ulang semasa pembelajaran.

Jadual 1.2. Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pembelajaran Kemahiran Mendengar

Bil	Penyataan	TP	JJ	KK	K	SK	Min	INT
Bd1	Saya diperdengarkan petikan bahasa Arab melalui bahan audio seperti kaset atau komputer.	319 76.1%	79 18.9%	15 3.6%	5 1.2%	1 0.2%	1.31	SR
Bd2	Saya diperdengarkan bacaan petikan bahasa Arab beberapa kali.	10 2.4%	97 23.2%	142 33.9%	119 28.4%	51 12.2%	3.24	ST
Bd3	Guru saya memberi arahan tutup buku (أغلق الكتاب) ketika mengajar kemahiran mendengar.	232 55.4%	98 23.4%	56 13.4%	20 4.8%	13 3.1%	1.77	SR
Bd4	Guru saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada yang menarik.	97 23.2%	119 28.4%	94 22.4%	57 13.6%	52 12.4%	2.63	SR
Bd5	Guru saya membantu dalam memahami makna ayat atau petikan bahasa Arab yang diperdengarkan.	2 0.5%	18 4.3%	57 13.6%	145 34.6%	197 47.0%	4.23	T
Bd6	Guru saya memperdengarkan ayat bahasa Arab mudah.	8 1.9%	71 16.9%	128 30.5%	123 29.4%	89 21.2%	3.51	ST
Bd7	Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika latihan kemahiran mendengar.	154 36.8%	124 29.6%	83 19.8%	35 8.4%	23 5.5%	2.16	SR
Bd8	Saya tidak dibenarkan melihat buku ketika guru membacakan petikan bahasa Arab.	282 67.3%	80 19.1%	33 7.9%	13 3.1%	11 2.6%	1.54	R
Bd9	Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika guru mengemukakan soalan kefahaman.	112 26.7%	129 30.8%	89 21.2%	57 13.6%	32 7.6%	2.44	SR
Bd10	Guru saya memberi arahan dengar baik-baik (استمع جيدا) sebelum membaca soalan petikan bahasa Arab.	27 6.4%	70 16.7%	82 19.6%	125 29.8%	114 27.2%	3.56	ST
Min keseluruhan persepsi murid terhadap kaedah pembelajaran kemahiran mendengar							2.64	SR

Bagi nilai min sederhana rendah pula ialah item Bd 4 “Guru saya memperdengarkan ayat atau petikan bahasa Arab mengikut nada yang menarik” iaitu sebanyak (2.63). Dapatan ini menunjukkan bahawa hanya 26 % yang menyatakan bahawa penggunaan nada yang menarik oleh guru bahasa Arab. Begitu juga item Bd 9 “Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika guru mengemukakan soalan kefahaman” memperoleh min 2.44. Hal ini menunjukkan bahawa 21.2 % dalam kalangan responden yang menyatakan bahawa larangan melihat buku ketika guru memberikan soalan kefahaman. Begitu juga pada item Bd 7 “Saya tidak dibenarkan melihat buku bahasa Arab ketika latihan kemahiran

mendengar” memperoleh min 2.16. Berdasarkan kepada item Bd7 membuktikan bahawa hanya 13.9 % yang menyatakan bahawa larangan melihat buku ketika latihan menguji kemahiran mendengar. Dapatan ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga item memperoleh min yang berada pada tahap sederhana rendah.

Manakala item yang memperoleh min yang berada pada tahap rendah ialah item Bd 3 “Guru saya memberi arahan tutup buku (أغلق الكتاب) ketika mengajar kemahiran mendengar” memperoleh min 1.77. Dapatan ini menunjukkan hanya 7.9% yang menyatakan bahawa guru memberikan arahan tersebut. Begitu juga pada item Bd 8 “Saya tidak dibenarkan melihat buku ketika guru membacakan petikan bahasa Arab” memperoleh min 1.54. Dapatan ini menunjukkan bahawa 21.2% yang menyatakan bahawa guru melarang daripada melihat buku ketika membaca petikan. Item Bd 1 “Saya diperdengarkan petikan bahasa Arab melalui bahan audio seperti kaset atau komputer” mencatatkan skor min 1.31. Dapatan ini menunjukkan bahawa hanya 1.4 % menyatakan bahawa guru menggunakan menggunakan bahan audio. Ketiga-tiga item memperoleh min yang berada pada tahap rendah dan diharapkan menjadi panduan kepada guru dalam menggunakan aktiviti tersebut.

8.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa PdP kemahiran mendengar bahasa Arab tidak menitikberatkan penggunaan nada yang sesuai dengan situasi. Hal ini boleh menyebabkan suasana pembelajaran bahasa Arab menjadi hambar dan kurang berkesan. Selain itu, kajian mendapati guru kurang menekankan aktiviti mendengar. Demikian juga, PdP kemahiran mendengar bahasa Arab banyak bergantung kepada aplikasi secara lisan berbanding penggunaan bahan secara audio seperti kaset atau komputer. Hal ini berlaku disebabkan pihak sekolah menghadapi kekurangan alat bantu mengajar seperti komputer dan sebagainya. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru amat mengambil berat terhadap pemahaman murid dalam kemahiran mendengar bahasa Arab.

Walau bagaimanapun beberapa aspek perlu diberi penekanan antaranya :

- a) Penggunaan nada yang menarik boleh dimantapkan kerana penggunaan nada yang betul mampu menarik perhatian dan menjadikan situasi komunikasi dengan lebih berkesan.
- b) Teknik pengajaran bahasa Arab perlu menitikberatkan aktiviti kemahiran mendengar.

Dapatan ini selari dengan pandangan Rosni Samah (2009) yang menyatakan bahawa mendengar sebutan huruf dan perkataan penting bagi memperbaiki pendengaran perkataan dengan tepat. Mendengar huruf dengan baik akan menjamin pendengaran perkataan dengan lebih baik.

Asni Tahir & Siti Hasnah Tanalol (2004) menyatakan bahawa perancangan dalam pengajaran bahasa asing menggunakan teknologi adalah seperti menggunakan CD-ROM dalam mempersembahkan hasil pembangunan pakej sebagai alat bantu mengajar, memasukkan elemen video yang sesuai dan membina persekitaran bahasa yang kondusif. Kemudahan teknologi mampu diterokai oleh pelajar dengan panduan yang diberikan oleh guru bahasa. Disamping menggunakan alat pandang dengar dalam melaksanakan tugas yang diberikan seperti menggunakan blog, facebook, laman sembang yang boleh digunakan dalam mendorong mereka menggunakan bahasa yang telah dipelajari (Azman & Goh 2010).

Menurut Ab. Halim (et. al., 2013), guru bahasa Arab lebih banyak menggunakan kaedah kuliah, memberikan contoh, soal jawab, latih tubi, hafalan dan mendengar tanpa melihat buku. Manakala, kaedah mencapai tahap sederhana adalah kaedah berdialog, mendengar bacaan guru tanpa melihat teks dan melakonkan semula. Selain itu, kajian mengenai teknik pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab sering diabaikan dan tidak ditekankan dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia (Nik Rahimi, 2005). Kebanyakan guru bahasa Arab tidak menekankan teknik latihan kemahiran mendengar pada teks dengan betul. Disamping itu, beliau mendapati pelajar tidak dilatih mendengar petikan dialog dan jenis naratif secara berasingan atau tanpa melihat teks.

9.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa PdP kemahiran mendengar bahasa Arab tidak menitikberatkan penggunaan nada yang sesuai dengan situasi. Hal ini boleh menyebabkan suasana pembelajaran bahasa Arab menjadi hambar dan kurang berkesan. Selain itu, kajian mendapati guru kurang menekankan aktiviti mendengar. Demikian juga, PdP kemahiran mendengar bahasa Arab banyak bergantung kepada aplikasi secara lisan berbanding penggunaan bahan secara audio seperti kaset atau komputer. Hal ini

disebabkan pihak sekolah menghadapi kekurangan alat bantu mengajar seperti komputer dan sebagainya. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru dalam meningkatkan kemahiran menulis dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah.

10.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim & Zetty Nurakmal Azura bt. Rashed. 2013. Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) Di sekolah Rendah Agama Negeri Selangor. Jurnal Pusat Pengurusan dan Penyelidikan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 1- 35.
- Asni Tahir & Siti Hasnah Tanalol. 2004. Belajar Bahasa Kadazan Dusun: Pendekatan Pembelajaran Hypermedia. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. 8 – 9 Oktober 2004.
- Azman & Goh 2010. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Perancis. AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20.
- dan Inovasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 3), hlm. 200-213.
- Komunikasi. Tesis Dok. Fal. Fakulti Pendidikan, Bangi UKM.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 596-608
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Abdul Ghani Masri, 1990. Muhammad Abdul Ghani al-Masri. 1990. Asalib Tadrīs al-Lughah al-Arabiyyah Li Thakhasus al-Ta'hili al-Tarbawi. Amman: Maktabah al Risalah al Hadihtah.
- Muhammad Salahuddin Ali. 1977. Tadrīs al Lughah al Arabiyyah bil Marhalah al Ibtidaiyyah. Kuwait: Dar Qalam.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod, Kamarulzaman Ab. Ghani. 2008. Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. Jurnal Pendidikan 33 (2008) 3-18.
- Nik Mohd Rahimi. 2003. Pengajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab: Antara Tradisi
- Nik Mohd Rahimi. 2005. Penilaian Kemahiran Mendengar Dalam Kurikulum Bahasa Arab
- Rosni Samah. (2009). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.